

Presiden mahu perwakilan UMNO tumpukan RMK-9

Oleh ABDUL MUIN SAPIDIN

NIBONG TEBAL 12 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 mulai esok agar memberi tumpuan penuh kepada pembangunan negara yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Presiden UMNO itu menaruh harapan perwakilan memberi lebih perhatian kepada RMK-9 yang dianggapnya penting untuk negara mencapai Wawasan 2020.

“Ini adalah Perhimpunan Agung UMNO yang pertama selepas RMK-9 dibentangkan dan diluluskan di Parlimen.

“Oleh sebab RMK-9 adalah satu rancangan yang penting yang menjadi tahap pertama daripada tiga tahap (termasuk RMK-10 dan RMK-11) untuk kita mencapai Wawasan 2020, maka adalah penting perhimpunan kali ini memberi perhatian kepada pembangunan di bawah RMK-9,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada

sidang akhbar selepas merasmikan upacara pecah tanah Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang di Batu Kawan, dekat sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai amanatnya ke pada lebih 5,000 perwakilan UMNO menjelang perhimpunan agung parti yang bermula esok hingga Jumaat.

Esok, Abdullah secara tertutup akan menyampaikan amanat Presiden sebelum perasmian perhimpunan ketiga-tiga sayap parti - Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO - oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak pada sebelah malam.

Perhimpunan kali ini disifatkan ramai pemerhati sebagai sesuatu yang menarik dan dijangka ‘panas’ walaupun tidak membabitkan pemilihan parti, ekoran pelbagai isu membabitkan parti termasuk kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan.

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Mesra Aidilfitri anjuran Jabatan Ke majuan Masyarakat (Kemas) Pulau Pinang di Bukit Mertajam, Abdullah berkata, kira-kira 31,000 kontraktor Kelas F sudah menerima manfaat hasil pelaksanaan projek-projek di bawah

UM - 13/11/2006

Untuk kita mencapai Wawasan 2020, maka adalah penting perhimpunan kali ini memberi perhatian kepada pembangunan di bawah RMK-9

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Presiden UMNO

RMK-9 yang baru dimulakan Mei lalu.

Perdana Menteri berkata, walaupun baru sahaja dimulakan kira-kira lima bulan, RMK-9 mampu memberi peluang kepada kontraktor Kelas F melibatkan diri secara langsung dalam projek-projek kecil yang dilaksanakan dalam rancangan lima tahun itu.

“Dan saya percaya akan ada banyak lagi projek pembangunan yang akan dilaksanakan dan memberi manfaat secara terus kepada kontraktor kecil,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Perhimpunan Agung UMNO kali ini turut menyediakan ruang pameran menonjolkan perkara-perkara yang mempunyai kaitan langsung dengan pelaksanaan RMK-9.

“Jadi, selain dapat mengikuti persidangan oleh para perwakilan, kita juga boleh

tengok pameran-pameran yang ada kaitannya dengan pelaksanaan dan rancangan kerajaan dalam RMK-9,” katanya.

Abdullah turut berpesan kepada ahli UMNO khususnya perwakilan dan pemerhati supaya memandu berhati-hati ketika dalam perjalanan bagi menghadiri perhimpunan agung itu.

Beliau mengingatkan mereka supaya tidak terlalu gopoh atau memandu laju sebaliknya mengamalkan pemanduan berhemah dan cermat bagi mengelak berlakunya kejadian tidak diingini.

“Kalau sewa bas pula, selalu ingatkan pemandu supaya jangan memandu terlalu laju dan jangan sesekali gopoh kerana dia kena pastikan penumpang yang dibawanya selamat,” katanya.